

Lampiran A

CONTOH IKLAN YANG SELALU DIGUNAKAN

Mohamed Yusuf bin Margidi (ghaib) dikehendaki hadir ke Mahkamah Kadi, Teluk Anson pada 12. 11. 1973. Jam 9.30 pagi kerana Siti Salbiah binti Abdullah, alamat C, Kampong Melayu Langkap menuntut cerai taalik, jika tidak hadir, perbicaraan dijalankan juga.

Lampiran B

Mahkamah Kadi,  
Teluk Anson.

19. 10. 1970

Kepada Tok Ketua Kampong Selabak,  
Teluk Anson.

Per: Tuntutan Nafkah Anak

Dengan hormatnya dimaklumkan adalah bersama ini disertakan saman berkenaan tuntutan tersebut di atas; diminta pertolongan tuan dapat kiranya menyampaikan kepada yang kena tuntutan nama Mohamad Isa bin Haji Derani Kampong Selabak Teluk Anson, dan ambil tandatangan tuan sebagai penghantar saman. Serta tuliskan tarikh dan jam disampaikan saman itu.

Untuk menghantar balik salinan saman yang telah bertandatangan itu ke pejabat ini, diminta tuan sendiri membawanya kerana tuan dikehendaki menandatangani pada borang akuan penyerahan yang ada di pejabat ini.

Perbelanjaan tuan pergi dan balik akan dibayar.

Sekian terima kasih.

Yang menurut perintah,

t.t. Kadi.

Lampiran C

SURAT AKUAN

Perkara: Akad Nikah Diluar Wilayah

Adalah dimaklumkan pembawa surat akuan ini bernama Baharuddin bin Abdul Aziz, kad pengenalan no. 2883730.

Adalah masih bujang, belum pernah bertunang dengan sesiapaupun setelah saya saya siasat. Oleh itu tiada apa-apa halangan baginya.